

08 OCT 1996

Mahathir-Umno

PERWAKILAN PERLU TOLAK CALON LANGGAR ETIKA: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahukan semua perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno menolak bulat-bulat calon-calon yang melanggar etika parti dan mengamalkan politik wang, berkempen dan menyalahgunakan kuasa.

"Umno tidak mahu pemimpin rasuah, tidak ikhlas dan kotor," kata Perdana Menteri pada Majlis Presiden (perjumpaan presiden parti dengan perwakilan) menjelang perhimpunan agung parti yang bermula esok.

Calon-calon yang terpilih jika didapati terbabit melakukan kesalahan itu akan digugur, kata Perdana Menteri dengan disambut tepukan gemuruh.

Katanya hanya dua pihak yang mengetahui siapa yang tidak amanah iaitu Tuhan dan mereka yang menerima iaitu dari kalangan perwakilan.

Beliau berkata beliau sanggup menjadi pemimpin yang tidak popular demi membersihkan parti, kerajaan dan bangsa Melayu selaras dengan hasrat parti yang berjuang untuk memuliakan bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata beliau sedar ramai anggota parti tahu dan menerima "habuan" dan menambah kata beliau amat sedih kerana tidak ramai sedia tampil untuk memberi maklumat.

"Ini seolah-olah ada komplot menggalakkan rasuah dalam Umno," katanya.

Beliau dengan nada sinis berkata sudah menjadi adat orang Melayu sukar untuk menolak sesuatu pemberian kerana tidak mahu menghampa harapan maka tidak ada jalan lain daripada menerima sahaja pemberian itu.

Katanya dalam Umno sekarang nampaknya sudah wujud budaya memberi dan menerima apabila ada pemilihan.

Disebabkan wujud budaya itu, apabila ada pemilihan, beliau berkata: "Ada calon yang lari, ada calon yang memberi apabila diminta, ada calon terang-terang memberi tanpa diminta."

Katanya kalau perkara ini terus dibiarkan apakah akan terjadi dalam Umno apabila pemimpin terdiri daripada mereka yang pernah memberi dan menerima rasuah.

Mahathir, sebagai presiden parti, berkata jika Umno mempunyai pemimpin dan anggota yang rasuah sudah tentu mereka akan menjual negara dan bangsa Melayu dan akhirnya bukan sahaja Umno akan hancur tetapi negara juga.

Beliau berkata "Golongan yang mampu membeli sokongan janganlah dipilih kerana jika mereka naik secara rasuah, mereka juga akan jatuh kerana rasuah kerana mereka terus memerlukan kekayaan untuk kepentingan sendiri."

Beliau bagaimanapun berkata bukan semua calon itu kotor tetapi "saya juga tidak kata bukan semua calon itu bersih".

Dr Mahathir mahukan perwakilan menggunakan kuasa mereka dengan tegas, bijak dan serius untuk menentukan corak pemimpin yang mereka mahu.

"Jangan sekali-kali bersikap tidak apa dan memberi undi kerana kawan sungguhpun mengetahui calon itu membuat kesilapan. Ini kerana orang lain juga buat kesalahan.

"Biar kosong daripada memilih pemimpin yang tidak ikhlas dan jujur," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan anggota supaya jangan terperangkap dengan kata-kata "bisa diatur" yang dibuat oleh calon tertentu kerana apabila mereka mendapat kuasa nanti "pelbagai perkara dapat mereka aturkan" dan akhirnya Umno dan orang Melayu hancur.

Beliau berkata kalau "penerima" masih mengundi juga orang yang memberi rasuah itu maka ia melakukan satu jenayah besar kepada bangsa dan negara.

Dr Mahathir berkata sungguhpun perjuangan Umno untuk meningkatkan taraf

orang Melayu dan memuliakan bangsa Melayu baru sahaja mencapai sedikit kejayaan, nampaknya orang Melayu telah mula menggunakan kekayaan yang sedikit itu untuk kepentingan diri dan sedikit kuasa yang ada untuk diri sendiri.

"Janganlah dengan kekayaan yang ada itu kita sanggup membuat perkara yang dilarang dan selepas itu pergi mengerjakan umrah untuk membersihkan dosa dan ada pula dari Jeddah langsung hingga ke London dan California dan mengelilingi dunia dengan delegasi masing-masing.

"Dulu kita dengar hanya setakat Haadyai sahaja," katanya.

-- BERNAMA

SJA ZAB AHH